

# **GARIS PANDUAN TAMBAHAN PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2018 KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK**

## **TUJUAN**

1. Garis Panduan Tambahan ini adalah penjelasan tambahan kepada Garis Panduan Pemberian Bantuan Khas Kewangan(BKK) Bajet 2018 Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Perak (Garis Panduan BKK 2018).

## **KAEDAH PEMBAYARAN**

2. Syarat asas kelayakan bagi bayaran BKK berjumlah RM1,000.00 adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a. Pegawai masih dalam perkhidmatan, pada tarikh pembayaran di buat, kecuali bagi pegawai yang telah bersara ataupun meninggal dunia; dan
- b. Pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2017.

3. Pembayaran BKK dibuat secara pro-rata (*propotionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak, mengikut formula di **Lampiran A**.

4. Pegawai yang bercuti separuh gaji, bercuti tanpa gaji, bersara atau meninggal dunia, masih layak dibayar tertakluk kepada syarat di perenggan 2 dan kaedah di perenggan 3.

5. Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara *contract of service* dan mematuhi syarat di perenggan 2, layak dibayar BKK berdasarkan perkiraan di **Lampiran B**.

**GARIS PANDUAN TAMBAHAN  
PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2018  
KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK**

6. Pegawai lantikan *contract of service*, *contract for service* atau Pegawai Sambilan Harian (PSH) yang tamat perkhidmatannya pada 1 Januari 2018 (masih bertugas pada 31 Disember 2017) adalah layak untuk dibayar BKK, tertakluk kepada syarat di perenggan 2 dan kaedah di perenggan 3.
  
7. Pegawai yang telah dikemukakan ke Urus setia Tatatertib namun belum dikeluarkan kertas pertuduhan, masih layak di bayar, tertakluk kepada syarat di perenggan 2 dan kaedah di perenggan 3. Tindakan tatatertib secara pentadbiran, (sama ada bayaran gaji hari, amaran atau lain-lain) tidak dikira sebagai satu tindakan tatertib bagi maksud ini. Oleh yang demikian, pegawai berkenaan masih layak dibayar BKK.
  
8. Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam adalah tidak layak untuk dibayar BKK ini.
  
9. Syarat-syarat lain yang ditetapkan di dalam Garis Panduan BKK 2018 hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling ini. Mana-mana perenggan yang didapati bertentangan di antara satu sama lain, perenggan di dalam Surat Pekeliling ini adalah mendahului Garis Panduan BKK 2018.

## **JABATAN YANG MEMBAYAR**

10. Pembayaran BKK adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.
  
11. Bagi pegawai yang bersara atau meninggal dunia dalam tahun 2017, bayaran BKK adalah menjadi tanggungan jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

## **LAMPIRAN A**

### **CONTOH PERKIRAAN PRO-RATA (PROPOTIONATE) BAGI MAKSUD PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2018**

Pembayaran BKK dibuat secara pro-rata (*propotionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak, mengikut formula berikut:

$$= \text{RM}1,000.00 \times (\text{jumlah hari bertugas}^1 / 365 \text{ hari setahun})$$

---

<sup>1</sup> Perkiraan jumlah hari bertugas adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2017. Perkiraan berdasarkan anggapan bahawa pegawai masih bertugas sehingga 31 Disember 2017.

Sekiranya pegawai berkeenaan tidak terus berkhidmat sehingga 31 Disember 2017 atas apa-apa alasan, pelarasan semula BKK perlu dilaksanakan.

## **LAMPIRAN B**

### **CONTOH PERKIRAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2018 KEPADA PESARA PERKHIDMATAN AWAM YANG DILANTIK SEMULA SECARA KONTRAK**

Semua pesara kerajaan akan diberi BKK oleh Bahagian Pasaca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam berjumlah RM750.00, dibayar seperti berikut:

RM500.00 dibayar pada Januari 2018; dan

RM250.00 dibayar pada Aidilfitri 1439H/2018M

Pembayaran BKK dibuat secara *pro-rata (propotionate)* berdasarkan bilangan hari yang layak, ditolak dengan pembayaran yang bakal dilaksanakan oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam mengikut formula berikut:

$$= [RM1,000.00 \times (\text{jumlah hari bertugas}^2 / 365 \text{ hari setahun})] - RM500.00$$

---

<sup>2</sup> Perkiraan jumlah hari bertugas adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2017. Perkiraan berdasarkan anggapan bahawa pegawai masih bertugas sehingga 31 Disember 2017.

Sekiranya pegawai berkenaan tidak terus berkhidmat sehingga 31 Disember 2017 atas apa-apa alasan, pelarasan semula BKK perlu dilaksanakan.